

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

**PANGGUNG NEGARA : TUJUAN, MATLAMAT DAN
SEJAUHMANAKAH KEBERKESANANNYA ?
(KES STUDI : ORKESTRA SIMFONI KEBANGSAAN)**

**Tesis ini dikemukakan kepada
Fakulti Seni Persembahan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat
Ijazah Sarjana Muda Seni Muzik**

JABATAN SENI MUZIK

**Disediakan Oleh
NURSAEDAH BINTI SAID
95815579**

Sesi Jun 1999

DAFTAR KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
DAFTAR GAMBARAJAH & RAJAH.....	iii

Bab

1. PENGENALAN.....	1
--------------------	---

Sejarah dan Latarbelakang Panggung Negara

Tujuan Penyelidikan

Kaedah Penyelidikan

Permasalahan

Skop Kajian

Organisasi

2. PERANAN ORKESTRA SIMFONI KEBANGSAAN.....	10
---	----

Latarbelakang Penubuhan Orkestra Simfoni Kebangsaan

Definisi Orkestra Simfoni

Alat-alat Muzik Bertali (*Strings*)

Violin

Viola

Cello

Double Bass

Alat-alat Muzik Tiupan Kayu (*Woodwind*)

Piccolo

Flute

Oboe

Clarinet

Bassoon

SINOPSIS

Tesis ini ditulis bertujuan untuk mengetahui sejauhmana peranan Panggung Negara dalam mengetengahkan muzik klasikal barat. Penulis melihatnya dari segi sambutan penonton terhadap konsert-konsert klasikal barat Orkestra Simfoni Kebangsaan, yang terletak di bawah naungan Unit Muzik, Panggung Negara. Secara tidak langsung juga tesis ini mungkin akan mendedahkan Panggung Negara serta Orkestra Simfoni Kebangsaan kepada pandangan umum.

Penulis mengandaikan yang penonton-penonton yang datang menonton konsert-konsert klasikal barat kebanyakannya terdiri daripada pelajar-pelajar muzik ataupun bekas pelajar muzik secara formal serta penonton-penonton adalah merupakan 'peminat setia' Orkestra Simfoni Kebangsaan yang sering mengikuti tiap-tiap konsert yang diadakan oleh orkestra tersebut. Untuk mengetahui samada benar apa yang penulis telah andaikan, akan diadakan 2 kajiselidik berbentuk *questionnaire* pada 2 konsert klasikal barat oleh Orkestra Simfoni Kebangsaan, anjuran Panggung Negara.

Hasil kajiselidik ini akan membolehkan penulis membuat satu kesimpulan bagi menyempurnakan tesis ini.

PENGHARGAAN

Bismillah'irahmanirahim..

Syukur alhamdulillah kerana akhirnya saya berjaya menyiapkan tesis ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam proses menyiapkan tesis ini, pensyarah-pensyarah di Jabatan Muzik dan staf-staf di Panggung Negara.

Kepada kawan-kawan, Amy, Delly, Khai, Rita, Wan, Yus dan abang Art yang telah sama-sama melalui susah senang selama 4 tahun di ITM. Sama-samalah kita berusaha untuk final recital...

Untuk kawan-kawan lain di Jabatan Muzik, rajin-rajinlah practise, semoga berjaya !

BAB 1

Pengenalan

Sejarah dan Latarbelakang Panggung Negara

Pada tahun 1972, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menaungi Taman Budaya yang terletak di Jalan Ampang. Ketika itu, hanya terdapat penari-penari dan pemuzik-pemuzik asli. Mereka dilatih bagi tujuan persembahan untuk majlis-majlis negara.

Pada tahun 1975, Taman Budaya telah berpindah ke Jalan Tun Ismail. Pada tahun 1976, Taman Budaya berpindah lagi ke bangunan sebuah sekolah antarabangsa, tetapi masih terletak di Jalan Tun Ismail, di samping namanya bertukar kepada Kumpulan Budaya Negara. Selain artis-artis kebudayaan, Kumpulan Budaya Negara juga telah mempunyai unit sokongan kecil, iaitu Unit Teknikal dan Unit Pentadbiran.

1977, nama Kumpulan Budaya Negara ditukar kepada Kompleks Budaya Negara. Semakin banyak aktiviti-aktiviti kebudayaan telah dijalankan. Selain mengadakan aktiviti-aktiviti persembahan tarian kebudayaan, kursus-kursus juga telah diadakan. Ia berfungsi untuk memartabatkan kesenian tradisional, menggalakkan kesenian tradisional dan memulihara kesenian tradisional. Kumpulan kebudayaan Kompleks Budaya Negara telah ke setiap negeri di Malaysia untuk mempelajari tarian tradisi tiap-tiap negeri serta